

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**  
**DARIPADA** : **DATUK AARON AGO DAGANG**  
                  : **[ KANOWIT ]**  
**TARIKH** : **23 OKTOBER 2019**

**SOALAN :**

**Datuk Aaron Ago Dagang [ Kanowit ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan jumlah rakyat dari Sarawak yang bekerja dengan pelbagai syarikat (pembalakan, pembinaan, minyak & gas) di luar negara (seperti di Solomon Island, Surinam, benua Afrika dan Arab). Adakah Kerajaan sedar selalunya berlaku masalah di antara pekerja dan majikan yang akhirnya membebaskan Kerajaan dan wakil rakyat.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kanowit atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Seperti mana Dewan yang mulia ini sedia maklum, di antara tugas dan tanggungjawab Kementerian Luar Negeri ialah memastikan hak dan kebajikan rakyat Malaysia yang berada di luar negara sentiasa terjaga dan terpelihara. Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara sentiasa bersedia memberikan perkhidmatan atau bantuan konsular kepada warganegara Malaysia yang memerlukan atau menghadapi masalah di luar negara.

3. Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, Kementerian tidak mempunyai rekod secara khusus tentang jumlah rakyat Malaysia daripada Sarawak yang bekerja di luar negara. Walau bagaimanapun, bagi tahun ini, sehingga bulan Julai 2019, terdapat seramai 35,783 orang rakyat Malaysia yang telah mendaftarkan diri dengan Pejabat-pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Kerajaan sentiasa prihatin terhadap isu-isu yang dihadapi oleh rakyat Malaysia di luar negara tanpa mengira negeri asal mereka. Dalam hal ini, Kerajaan sentiasa menekankan supaya rakyat Malaysia yang ingin bekerja di luar negara agar berhati-hati dengan tawaran kerja yang diberikan, memahami kontrak yang dikemukakan dan memastikan undang-undang tempatan, termasuk undang-undang buruh sedia ada dipatuhi sewajarnya. Ini penting bagi mengelakkan mereka daripada menjadi mangsa penipuan atau ditimpa masalah di kemudian hari. Dalam hubungan ini juga, Kerajaan sentiasa menggalakkan rakyat Malaysia untuk berdaftar dengan Pejabat Perwakilan Malaysia sebelum bertolak ke luar negara.

Sekian, terima kasih.